

KATA ADJEKTIF (1)

hanyir	busuk	hamis	hapak	tengik	basi	hancing	hangus
--------	-------	-------	-------	--------	------	---------	--------

1. Sampah sarap di dalam longkang itu berbau _____.
2. Minyak masak itu berbau _____ kerana disimpan terlalu lama.
3. Jean itu berbau _____ kerana sudah lama tidak dibasuh.
4. Dia muntah apabila terhidu bau ikan yang _____ itu.
5. Diana tidak gemar makan daging kambing kerana baunya _____.
6. Masakan ibu semalam sudah _____ dan tidak boleh dimakan lagi.
7. Langsir itu berbau _____ kerana terkena air kencing kucing.
8. Ayam yang digoreng oleh kakak telah _____ kerana api terlalu besar.

empuk	lembut	lembik	lemau	lemah	rangup
-------	--------	--------	-------	-------	--------

1. Biskut di dalam tin itu menjadi _____ kerana tidak ditutup dengan rapat.
2. Sofa yang baru dibelinya itu sungguh _____.
3. Ubi kayu itu mesti direbus hingga _____.
4. Badannya _____ kerana sudah beberapa hari tidak makan.
5. Puan Maimunah menyuap nasi yang _____ itu ke mulut anaknya.
6. Keropok yang baru digoreng oleh ibu itu memang _____ dan sedap dimakan.

luas	longgar	dalam	labuh	cetek / tohor
------	---------	-------	-------	---------------

1. Anuar gemar berpakaian _____ kerana berasa lebih selesa.
2. Ibu sedang memotong kaki seluar ayah yang _____ itu.
3. Halaman rumahnya _____ dan bersih.
4. Air tasik ini menjadi _____ kerana musim kemarau yang berpanjangan.
5. Jangan berenang di dalam lombong yang _____ itu.

